

Mohd. Hairul CFO baharu MRT Corp.

KUALA LUMPUR 6 Mac - MRT Corporation (MRT Corp.) telah melantik Mohd. Hairul Abdul Hamid, 41, sebagai Ketua Pegawai Kewangannya (CFO) yang baharu berkuatkuasa semalam.

Syarikat itu dalam satu kenyataan berkata, sebelum menyertai MRT Corp., Mohd. Hairul merupakan Ketua Pegawai Kewangan Bahagian Utiliti dan Tenaga Sime Darby Bhd., selain memegang beberapa jawatan berkaitan pengurusan kewangan di syarikat yang sama.

Menurut MRT Corp., Mohd. Hairul ketika ini juga merupakan felo Persatuan Akauntan Bertauliah (ACCA) dan Institut Perakaunan Malaysia (MIA), mempunyai banyak pengalaman mengetuai pengurusan kewangan, penstrukturan, penggabungan dan pengambilalihan korporat.